

WM Senibong beli tanah 109 hektar di Iskandar Puteri

Pemaju hartanah berpangkalan di Johor, WM Senibong Bhd mengukuhkan kedudukannya sebagai pemaju utama di Koridor Iskandar Malaysia menerusi pengambilalihan kira-kira 109 hektar tanah guna campuran strategik di Iskandar Puteri, Johor, dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) mencecah RM6 bilion.

Pengambilalihan itu membatik Kews Senibong Sdn Bhd serta pegangan tanah Senibong Golf Club daripada Walker Corporation Pty Ltd, sekali gus memperkukuh portfolio simpanan tanah kumpulan di antara lokasi pertumbuhan paling pesat di selatan tanah air.

Tanah yang diperoleh merangkumi pembangunan The Kews dan kawasan Senibong Golf Club, menjadikannya antara baki tapak pembangunan berskala besar paling bernilai di Iskandar Puteri.

Ketua Pegawai Eksekutif WM Senibong, CK Quay, berkata pe-

ngambilalihan itu membolehkan kumpulan memperoleh antara simpanan tanah paling bernilai dan menjadi rebutan di Iskandar Puteri.

“Simpanan tanah The Kews amat bernilai, bukan sahaja dari segi keluasan dan lokasinya, malah potensi pembangunan yang boleh direalisasikan.

“Kedudukannya yang berhampiran kemudahan sedia ada, infrastruktur serta koridor pertumbuhan menyediakan asas kukuh untuk pembangunan bersepadu, merangkumi komponen kediaman, komersial, gaya hidup dan komuniti, sekali gus mewujudkan nilai jangka panjang kepada WM Senibong dan Johor,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kawasan itu turut berhampi-

ran pelbagai kemudahan utama termasuk sekolah antarabangsa seperti Marlborough College dan Raffles American School, hospital swasta Gleneagles serta Columbia Asia, selain pembangunan Sunway Healthcare yang dijadualkan beroperasi dalam tempoh terdekat.

Ia juga disokong tarikan gaya hidup utama termasuk Sunway Iskandar, Eco Botanic, Puteri Harbour, Medini dan Horizon Hills, selain akses terus ke Singapura melalui Laluan Kedua Tuas yang meningkatkan daya tarikan pelaburan.

Pengambilalihan itu menandakan pencapaian penting dalam pelan hala tuju pembangunan lima tahun Kews Senibong, yang memberi tumpuan kepada campuran produk seimbang terdiri daripada

60 peratus kediaman bertanah, 20 peratus pembangunan bertingkat tinggi dan 20 peratus komersial.

Strategi itu setakat ini membuah hasil dengan pertumbuhan jualan tahunan stabil sekitar 25 hingga 30 peratus, dipacu terutamanya oleh permintaan tempatan yang berterusan.

Quay berkata, bermula 2026, pembangunan berkenaan dijangka menyumbang peningkatan sekitar dua angka kepada hasil dan pendapatan kumpulan, selain mengukuhkan kehadiran strategik WM Senibong di Iskandar Puteri untuk tempoh jangka panjang.

Beliau menambah, di bawah pengurusan WM Senibong, Kews Senibong akan terus bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan serta pemegang taruh utama bagi memastikan perancangan induk yang bertanggungjawab dan pertumbuhan bandar yang mampan.



CK Quay